

18/06/1998

Ujian kematangan Wanita Umno

Rosmin Darus

BARANGKALI Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman boleh tampil dengan yakin pada Perhimpunan Agung Umno kali ini dengan sesuatu yang boleh dianggap sebagai 'milik' wanita untuk membantu negara - Amanah Saham Wanita atau lebih dikenali sebagai Asnita.

Asnita dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, 5 Mei lalu adalah satu langkah proaktif Wanita Umno untuk membantu negara menangani kegawatan ekonomi.

Menjangkakan sumbangan wanita di negara ini mampu melonjakkan proses pemulihan, Wanita Umno dengan keahlian melebihi sejuta dan kerjasama Wanita Barisan Nasional mencetuskan idea penubuhan satu dana khas yang mampu menggembleng simpanan wanita di negara ini menerusi pelaburan saham amanah.

Saham amanah dipilih kerana ia adalah satu instrumen kewangan yang mempunyai kadar risiko rendah tetapi dapat memberi pulangan berdaya saing. Maka, Asnita dilihat sebagai meletakkan Wanita Umno selangkah ke depan kerana sekurang-kurangnya mempunyai satu pelantar yang sudah tersedia untuk dibahaskan dalam Mesyuarat Agung Wanita Umno.

Namun, Zaharah juga harus berhati-hati menangani segala persoalan yang mungkin dikemukakan oleh ahli kerana Asnita yang diurus oleh Hijrah Asset Managers Sdn Bhd dan Metrowangsa Asset Management Sdn Bhd belum lagi membuktikan apa-apa, hanya kata-kata jaminan dan rangsangan beliau saja. Sehubungan itu, Zaharah harus mempunyai jawapan konkrit yang boleh merangsang pelabur, bukan mengelirukan mereka yang mendengar.

Perhimpunan Agung Umno kali ini turut menjadi medan ujian kematangan ahli Wanita Umno dalam membicarakan usul ekonomi yang mungkin kurang difahami oleh kebanyakan mereka.

Kita meletak sepenuh harapan kepada Wanita Umno supaya mengetepikan sikap sindir-menyindir, tikam-menikam atau kata-mengata kerana perhimpunan kali ini sangat kritikal untuk membincangkan kaedah terbaik menangani isu ekonomi bagi pemulihan negara.

Memetik kata-kata Dr Siti Zaharah: "Hanya rakyat negara ini yang yakin dengan keupayaan sendiri mampu mengharungi kemelut kerana penyelesaian tidak boleh dicapai dari pihak luar.

Jenaka 'bodoh' yang sering digunakan oleh beberapa pembahas untuk tujuan menggamatkan majlis juga tidak sesuai lagi kerana negara sekarang memerlukan input terbaik dalam banyak hal.

Lawak sewajarnya bertukar kepada idea dan persoalan yang boleh merangsang pertumbuhan ekonomi. Mungkin idea atau pendekatan yang dicadangkan nampak keras atau dianggap 'tidak berlapis' asalkan ia boleh membuka mata, wajar sekali diutarakan oleh Wanita.

Ketelusan pemimpin dan rakyat amat diperlukan. Ketelusan perlu daripada kedua-dua pihak. Kalau hanya pemimpin yang telus tetapi orang bawah tidak, sasaran tidak sampai.

Begitu juga, kalau pemimpin saja yang kuat bekerja tetapi di peringkat akar umbi tidak melaksanakan arahan, agenda yang dirancang juga tidak akan berjaya. Contohnya, Program Gerak Tani yang dirancang oleh Wanita Umno dan Johor dipilih sebagai negeri perintis hanya akan berjaya dengan kerjasama semua ahli di peringkat bahagian dan cawangan.

Pada Mesyuarat Agung Wanita ini juga, program itu perlu mendapat penerangan lebih jelas kerana ramai pemerhati dan perwakilan Wanita Umno masih tidak memahami konsep dan objektifnya.

Fitrah wanita yang dikatakan lemah-lembut tetapi penuh berisi wajar menjadi aset yang boleh meletakkan Wanita Umno terus ke depan ketika membicarakan soal semasa, bukan hanya dikaitkan dengan isu menjaga anak, rumah tangga, sosial, kebajikan dan ibu tunggal.

Pemulihan ekonomi berkait rapat dengan wanita dalam kehidupan harian mereka kerana sebagai suri rumah dan ibu, lazimnya mereka adalah 'akauntan' keluarga. Itu meletakkan wanita sebagai perancang kewangan keluarga nombor satu yang dapat memberi impak kepada ekonomi negara terutama pengaliran mata wang asing ke luar negara.

Sejajar dengan Pelan Tindakan Beijing yang diputuskan pada Persidangan Wanita Beijing lalu, Wanita Umno juga wajar memainkan peranan lebih cergas dalam meningkatkan pengupayaan wanita.

Tentu sekali untuk memberi upaya, ilmu pengetahuan adalah penting kerana ia kuasa supaya golongan hawa tidak terus ketinggalan. Ilmu juga bukan sekadar ilmu akademik tetapi pemantapan ilmu teknologi maklumat bagi memastikan wanita tidak ketinggalan untuk menggembara di ruang maya.

Wanita Umno diharap bukan lagi hanya memberi tumpuan kepada agenda politik tetapi terus berjuang meningkatkan status wanita dalam semua bidang kesihatan, pemutus keputusan dan kedudukan mereka dalam politik.

Jumlah kira-kira tujuh peratus wanita sebagai Ahli Parlimen bukan sesuatu yang boleh dibanggakan kerana berbanding peratus wanita dalam parti, ia adalah terlalu sedikit. Ketidakseimbangan wanita sebagai wakil rakyat itu turut menyebabkan keputusan yang dibuat tidak mendapat input berkesan daripada wanita.

Ahli Wanita Umno juga diharap dapat berusaha supaya kedudukan mereka dalam parti bukan setakat Ketua Wanita Bahagian atau cawangan tetapi melonjak lebih tinggi sebagai Ketua Bahagian dan seterusnya Ketua Badan Perhubungan Negeri. Fenomena wanita memilih lelaki untuk menduduki jawatan tertinggi di bahagian juga seharusnya bertukar jika ada pemimpin wanita layak dan berwibawa.

Inilah kelemahan sikap wanita yang wajar berubah sekarang. Sasaran Dr Siti Zaharah sendiri untuk mendapatkan 30 peratus wanita sebagai pembuat keputusan pada tahun 2000 mesti diusahakan mulai sekarang kerana Wanita Umno mempunyai kelebihan dari aspek melobi, ke arah pencapaian itu.

Begitu juga jumlah wanita yang dipilih ke Perhimpunan Agung Umno wajar terus diperjuangkan peningkatannya. Walaupun, sekarang sudah mencapai 30 orang berbanding dulu, lima orang, jumlah itu masih tidak mengimbangi keahlian wanita melebihi dua juta orang.

Struktur Umno sekarang yang menganggap Wanita Umno sebagai sayap kirinya juga wajar berubah kerana seekor burung tidak boleh terbang kalau hanya berbekalkan satu sayap.

(END)